

PENGUASAAN HUKUM TAJWID DALAM KALANGAN MAHASISWA DAN MAHASISWI UNIVERSITI

Mastura Ahmad@Muhammad & Wan Nasyrudin Wan Abdullah
Pusat Kelestarian Turath Islami
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Email: mutafaail_soleh@yahoo.com, tokwedin@ukm.edu.my

Abstrak: *Isu penguasaan ilmu tajwid dalam kalangan mahasiswa/i kini semakin membimbangkan. Hal ini disebabkan golongan mahasiswa/i ini masih sukar untuk mengamalkan bacaan al-Quran dengan tajwid yang betul, sedangkan mereka sudah mendapat pendedahan ilmu tajwid sejak kecil lagi. Tujuan kajian ini ialah untuk mengukur tahap penguasaan ilmu tajwid dalam kalangan mahasiswa/i. Kajian ini adalah kajian kualitatif di mana pemerhatian ujian lisan telah dilakukan berasaskan instrumen senarai semak berdasarkan teori ilmu tajwid dan dengan membuat rakaman bacaan responden bagi mengenal jenis dan kategori kesilapan yang dilakukan. Kajian ini memfokuskan kepada hukum nun mati dan tanwin yang merupakan hukum asas tajwid. Dapatan kajian ini menunjukkan tahap penguasaan ilmu tajwid dalam kalangan mahasiswa/i kejuruteraan USM adalah di tahap sederhana di mana majoriti daripada responden melakukan kesalahan dalam bacaan surah al-Furqan ayat 1-11. Jumlah mahasiswa/i yang mendapat grad D+ dan E adalah seramai 3 dan 5 orang daripada jumlah responden seramai 19 orang. Sikap mahasiswa/i itu sendiri merupakan punca mereka tidak mahir tajwid di mana mereka malas untuk mencari dan mempelajari ilmu tajwid sehingga mereka lupa hukum tajwid yang sudah diajar dan membaca al-Quran tanpa mempedulikan hukum tajwid. Semua pihak termasuklah ibu bapa, guru dan mahasiswa/i itu sendiri hendaklah berusaha untuk mempertingkatkan lagi pengetahuan hukum tajwid di kalangan mahasiswa/i agar mereka bukan sahaja boleh membaca al-Quran secara tartil malah boleh mentadabbur ayat-ayat yang telah dibaca.*

Kata kunci: *Tahap penguasaan, Ilmu Tajwid, Mahasiswa/i dan Kualitatif.*

I. Pendahuluan

Ilmu tajwid merupakan suatu ilmu yang perlu dipelajari dan dikuasai ketika hendak membaca al-Quran. Tajwid dari sudut bahasa menurut Abdul Hafiz Abdullah & Hasimah Muda (2004), Surur Shihabuddin (2010) dan Ahmad (2016) ialah mengindahkan dan mencantikkan. Manakala pada pandangan Muhammad Nazir (2013) pula bermaksud mencantikkan dan memperhalusi. Bagi sudut istilah pula, Abu Mardhiyah (2004) dan 'Abdul Qadir Leong (2015) menyatakan tajwid merupakan huruf hijaiyyah yang dikeluarkan dari makhraj, telah diberikan sifat-sifat asal dan sifat-sifat yang mendatang yang terdapat pada huruf hijaiyyah. Kini, isu penguasaan ilmu tajwid di kalangan mahasiswa/i semakin meruncing walaupun mereka sudah didedahkan dengan pengetahuan mengenai ilmu Al-Quran sejak kecil lagi. Menurut Imam Besar Masjid Negara iaitu Tan Sri Sheikh Ismail Muhammad berpandangan bahawa masalah lemah dalam penguasaan ilmu tajwid bukan hanya berlaku dalam kalangan kanak-kanak, namun juga berlaku kepada golongan remaja dan dewasa. Minat sehingga akhirnya lupa untuk membacanya apabila dewasa. Sementara itu, Prof. Madya Dr. Abdul Rauf Hassan mencadangkan agar program seperti Jawi, Quran dan Fardhu ain (J-Qaf) perlu diperluaskan di peringkat menengah dan universiti (Utusan Online 2013). Maka, kajian ini dijalankan bagi mengukur tahap penguasaan ilmu tajwid dalam kalangan mahasiswa/i di mana kebanyakannya telah mendapat pendedahan dalam pengajian tajwid, namun masih ramai di kalangan mereka masih tidak dapat membaca ayat al-Quran mengikut hukum tajwid yang betul.

II. Pernyataan Masalah

Kajian yang dijalankan oleh Azarudin, Azman dan Ahmad Marzuki (2011) pula menunjukkan bahawa kemampuan 500 orang mahasiswa/i diploma dalam aspek asas pembacaan al-Quran adalah sederhana. Pengetahuan tentang cara berlagu, tajwid dan cara membaca secara bertajwid mahasiswa/i-mahasiswa/i tersebut adalah agak lemah. Penilaian yang dilakukan adalah merangkumi pencapaian pengetahuan tentang hukum tajwid (52.8%), kebolehan membaca al-Quran mengikut hukum tajwid yang betul (54.0%) dan keupayaan membaca al-Quran dengan betul (46.0%). Kajian yang dijalankan oleh Mohd Khairul Azman Bin Hj Abu Bakar (2014) ke atas pelajar Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA) juga menunjukkan hasil kajian yang sama di mana tahap bacaan al-Quran pelajar adalah sederhana. Tahap pengetahuan tentang lagu dan tajwid serta cara melagukan suara dan menjaga hukum tajwid mereka juga adalah lemah.

Di samping itu, Siti Fatimah Sudin (2002) telah menjalankan kajian di UiTM Shah Alam bagi menilai pembacaan al-Quran di kalangan 376 orang mahasiswa/i semester dua, UiTM Shah Alam. Hasil kajian ini dapat dirumuskan mahasiswa/i kurang lancar membaca al-Quran, kurang menghayati hukum tajwid, lemah dan sukar untuk menyebut makraj huruf serta lemah ketika menulis Jawi. Rentetan daripada kajian tersebut, Siti Fatimah Sudin dan Nafisiah Hj. Abdul Rahman (2005) telah menjalankan kajian yang lain ke atas mahasiswa/i dan tempat yang sama. Mereka juga menyatakan bahawa keperluan kursus kemahiran membaca al-Quran di IPT perlu diwujudkan kerana hasil kajian mereka mendapati hanya 21% sahaja yang melepasi tahap membaca al-Quran dengan lancar manakala majoriti di tahap sederhana dan 79% lagi tidak lancar membaca al-Quran. Mohd Aderi Che Noh (2009) serta Azmil Hashim dan Jahidih Sali (2015) berpandangan bahawa terdapat hubungan antara pengajaran guru dengan penguasaan mahasiswa/i dalam tilawah al-Quran dan bacaan secara bertajwid. Walaubagaimanapun, faktor pengajaran guru bukanlah satu-satunya faktor yang mempengaruhi penguasaan mahasiswa/i dalam tilawah al-Quran. Antara faktor lain yang mempengaruhi penguasaan tilawah al-Quran adalah faktor diri sendiri iaitu sikap malas dan mengambil mudah dalam pembacaan al-Quran dalam kehidupan seharian menyebabkan tahap kebolehan mereka adalah rendah. Manakala dalam kajian yang sama, sikap ibu bapa yang lebih mementingkan kecemerlangan dalam bidang akademik daripada anak-anak pandai membaca al-Quran secara bertajwid merupakan salah satu penyumbang kepada masalah ini. Mereka tidak rasa menyesal di atas apa yang terjadi kerana terlalu bangga dengan kejayaan anak-anak dalam bidang akademik (Azarudin Awang et al. 2011).

Keseluruhannya, kajian-kajian lepas telah menunjukkan keputusan yang hampir sama di mana tahap kelancaran bacaan al-Quran di kalangan mahasiswa/i adalah sederhana dan tahap penguasaan ilmu tajwid adalah di tahap yang rendah atau lemah. Isu ini adalah amat membimbangkan di mana kebanyakan mahasiswa/i ini sudah mempelajari ilmu tajwid sejak kecil lagi. Maka, kajian ini telah dijalankan dengan memfokuskan kepada penguasaan hukum nun mati dan tanwin kerana hukum-hukum ini merupakan asas tajwid yang telah dipelajari sejak kecil lagi. Penguasaan asas adalah sangat penting untuk mengukuhkan sesuatu yang lebih susah.

III. Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengukur tahap penguasaan hukum tajwid dalam kalangan mahasiswa/i. Kajian ini merupakan suatu tinjauan menerusi pemerhatian ujian lisan berasaskan instrumen senarai semak berdasarkan teori ilmu tajwid dan dengan membuat rakaman bacaan responden untuk mengenal jenis dan kategori kesilapan yang dilakukan. Kajian ini memfokuskan kepada hukum nun mati dan tanwin. Ayat Al-Quran yang digunakan ialah surah al-Furqan ayat 1-11, manakala responden kajian ini pula terdiri daripada 19 orang mahasiswa/i kejuruteraan tahun dua Universiti Sains Malaysia (USM). Responden telah diuji dengan 31 item ujian bacaan ayat-ayat al-Quran yang dipilih. Hukum-hukum tajwid yang dinilai dalam bacaan responden adalah hukum nun sakinah dan tanwin yang terdiri daripada Ikhfa' Haqiqi, Izhar Halqi, Idqam Bil Ghunnah, Iqlab dan Idqam Bila Ghunnah. Bacaan mahasiswa/i telah direkod dan dianalisis dari aspek kesalahan bacaan.

IV. Hasil Kajian

Kajian ini telah dijalankan dengan menilai penguasaan hukum tajwid mahasiswa/i kejuruteraan melalui pembacaan mereka dalam surah al-Furqan ayat 1-11 yang melibatkan 13 item yang mewakili hukum Ikhfa' Hakiki, 11 item Idqam Bil Ghunnah, 3 item Izhar Halqi, 3 item Idqam Bila Ghunnah dan 1 item mewakili hukum Iqlab. Kesalahan pada bacaan bagi setiap hukum tajwid telah direkodkan. Hukum Ikhfa' Haqiqi di dalam surah al-Furqan ayat 1-11 merangkumi 13 item di mana kesalahan bacaan yang dilakukan adalah disebabkan tidak dengung dengan kadar 2 harakat. Seramai 13 orang mahasiswa/i melakukan kesalahan bacaan pada kalimah *جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا* dan *لَا يَمْنُ كَذِبٌ* di samping 12 orang mahasiswa/i melakukan kesalahan pada kalimah *مَلِكٍ فَيَكُونُ*. 11 orang mahasiswa/i pula melakukan kesalahan pada kalimah *إِنْ أَنْزَلَ* dan *لَا أَنْفُسِهِمْ* serta 9 orang melakukan kesalahan pada kalimah *شَيْءٍ فَقَدَرَهُ* *بِشْرِيكَ فِي الْمَلِكِ* melibatkan 8 orang yang melakukan kesalahan bacaan serta 7 orang dan 5 orang mahasiswa/i pula masing-masing melakukan kesalahan pada kalimah *سُبْحًا* dan *وَهُمْ*. Akhirnya, kajian ini telah menunjukkan 68% mahasiswa/i telah melakukan kesilapan yang sama iaitu membaca pada 3 kalimah yang berbeza tanpa mengikut hukum tajwid Ikhfa' Haqiqi yang betul. Tambahan, hukum Idqam Bil Ghunnah yang terdapat dalam ayat al-Furqan ayat 1-11 merangkumi 11 item. Kesalahan bacaan tajwid mahasiswa/i direkodkan berdasarkan kesalahan tidak dengung dengan kadar 2 harakat di kalimah yang terlibat. Pada kalimah *وَلَا حِزْرًا*, seramai 11 orang mahasiswa/i melakukan kesalahan bacaan, manakala 10 orang mahasiswa/i telah melakukan kesilapan bacaan tajwid pada kalimah *وَلَا نَقَعًا* dan *وَلَا مَوْتًا* dan *وَلَا حَيَّوَةً* dan *وَلَا يَأْكُلُ جَنَّةً يَكْفُلُ* dan *خَيْرًا مَنْ*. Selain itu, 7 orang mahasiswa/i telah melakukan kesalahan pada kalimah *وَهُمْ* serta seramai 6 orang mahasiswa/i telah

membaca tanpa mengikut hukum tajwid pada kalimah *رَجُلًا مَشْحُورًا* dan *بُجْرَةً وَأَصِيلًا*, *ظَلَمًا وَزُورًا*, *وَلَدًا* dan *وَلَمَّ*. Tuntasnya, kajian ini menunjukkan 58% mahasiswa/i telah melakukan kesilapan sama dalam hukum tajwid Idqam Bil Ghunnah dengan tidak mendengungkan bacaan pada 1 kalimah yang terdapat pada ayat tersebut. Hukum tajwid Izhar Halqi pula melibatkan kesalahan bacaan kalimah yang tidak jelas dan nyata. Surah al-Furqan ayat 1-11 mempunyai sebanyak 3 kalimah yg menunjukkan hukum tajwid Izhar Halqi. Seramai 2 orang mahasiswa/i melakukan kesalahan bacaan pada kalimah *إِنَّ هَذَا*, 3 orang pada kalimah *عَاخِرُونَ* dan seramai 4 orang mahasiswa/i tidak membaca dengan jelas dan nyata pada kalimah *كُنزٌ أَوْ*. Hasil dapatan bagi hukum tajwid Izhar Halqi menunjukkan 9 orang mahasiswa/i sahaja yang melakukan kesalahan bacaan pada 3 kalimah yang berlainan dengan peratusan sebanyak 47%. Manakala 16 orang lagi membaca dengan betul yang mewakili sebanyak 84%. Selain itu, terdapat 3 item yang menunjukkan hukum tajwid Idqam Bila Ghunnah dalam surah al-Furqan ayat 1-11. Kesalahan bacaan tajwid Idqam Bila Ghunnah adalah apabila kalimah tersebut tidak dibaca dengan jelas dan nyata. Seramai 11 orang mahasiswa/i telah melakukan kesalahan bacaan tajwid di kalimah *لَا إِلَهَ إِلَّا* dengan peratusan sebanyak 58%, 7 orang mahasiswa/i tidak membaca dengan jelas dan nyata di kalimah *رَحِيمًا* iaitu sebanyak 37% serta 6 orang mahasiswa/i telah melakukan kesalahan bacaan pada kalimah *لَهُ* yang mewakili sebanyak 32%. Hukum Iqlab pula melibatkan 1 item di dalam surah al-Furqan ayat 1-11 iaitu pada kalimah *بَلِّغُوا*. Hasil dapatan telah menunjukkan 100% mahasiswa/i membaca kalimah ini dengan betul kerana mereka berhenti pada kalimah tersebut tanpa menyambung bacaan.

Keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa pencapaian mahasiswa/i yang mendapat gred A adalah seramai 5 orang, 2 orang mahasiswa/i mendapat A-, gred C+ terdiri daripada 2 orang dan 2 orang mahasiswa/i mendapat C-. Seterusnya, seramai 3 orang mahasiswa/i yang mendapat gred D dan 5 orang lagi mendapat keputusan gagal iaitu gred E. Penilaian gred mahasiswa/i diambil kira daripada peratusan kalimah yang dibaca mengikut hukum tajwid yang betul. Keputusan ini telah menunjukkan tahap penguasaan ilmu tajwid dalam kalangan mahasiswa/i kejuruteraan USM adalah di tahap sederhana. Walaupun jumlah mahasiswa/i yang mendapat A adalah ramai, namun jumlah mahasiswa/i yang mendapat gred selain A adalah lebih ramai. Hal ini adalah sangat membimbangkan kerana hukum nun mati dan tanwin merupakan asas ilmu tajwid yang sepatutnya telah dikuasai oleh semua mahasiswa/i lantaran ilmu tajwid ini telah diajarkan dari sejak mereka kecil lagi. Akhirnya, temubual ringkas telah dijalankan di mana secara keseluruhannya para mahasiswa/i mengamalkan bacaan al-Quran sebagai rutin harian namun mereka tidak menitikberatkan hukum tajwid yang betul. Antara sebab mereka tidak membaca al-Quran dengan mengikut tajwid yang betul ialah mereka sudah lupa hukum tajwid yang telah diajar, mereka tertinggal subjek yang berkaitan dengan al-Quran dan tajwid serta mereka masih tidak dapat mempraktikkan bacaan bertajwid walaupun mengetahui hukumnya. Sikap malas dan tidak memandangi ilmu tajwid ini dengan serius merupakan faktor utama yang menyumbang kepada isu ini.

V. Kesimpulan

Kesimpulannya, tahap penguasaan ilmu tajwid dalam kalangan mahasiswa/i kejuruteraan USM adalah di tahap sederhana. Majoriti daripada responden melakukan kesalahan dalam bacaan surah al-Furqan ayat 1-11 yang merangkumi hukum tajwid nun mati dan tanwin yang terdiri daripada hukum Ikhfa' Haqiqi, Idqam Bil Ghunnah, Idqam Bila Ghunnah, Izhar Halqi dan Iqlab. Isu ini sangat memerlukan pemerhatian yang tinggi kerana hukum nun mati dan tanwin merupakan hukum tajwid yang asas dan sekiranya mereka masih tidak dapat menguasai hukum tajwid yang asas, maka mereka amat sukar untuk mempraktikkan pembacaan ayat al-Quran bertajwid. Sikap mahasiswa/i itu sendiri merupakan punca mereka tidak mahir tajwid di mana mereka malas untuk mencari dan mempelajari ilmu tajwid sehingga mereka lupa hukum tajwid yang sudah diajar dan membaca al-Quran tanpa mempedulikan hukum tajwid. Semua pihak termasuklah ibu bapa, guru dan mahasiswa/i itu sendiri hendaklah berusaha untuk mempertingkatkan lagi pengetahuan hukum tajwid di kalangan mahasiswa/i, khususnya.

Rujukan

1. Abdul Hafiz Abdullah & Hasimah Muda (2004). Tajwid Al-Quran. Skudai: Pusat
2. Abu Mardhiah. 2004. *Tajwid al-Quran*. Kuala Lumpur : Al-Jenderaki Enterprise.
3. Ahmad Muhammad Muhammad Mu'abbad (2016). Panduan Lengkap Ilmu Tajwid. Selangor: Pustaka Al-Ehsan.
4. Ahmad Rozaini Ali Hasan, Shadli Sabarudin & Che Bakar Che Mat. 2010. *Projek Penyelidikan Dana Kecemerlangan Kategori C tahap penguasaan bacaan al-quran di kalangan pelajar-pelajar UiTM Sarawak*. Kota Samarahan: Pusat Pemahaman dan Pemikiran Islam (CITU), Universiti Teknologi Mara.
5. Azarudin Awang, Azman Che Mat & Ahmad Nazuki @ Marzuki Yaakub. 2011. Tahap pembacaan al-Quran dalam kalangan pelajar di UiTM Terengganu. *AJTLHE: ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 3(2), 83-100.
6. Azarudin Awang, Azman Che Mat & Ahmad Nazuki @ Marzuki Yaakub. 2011. Tahap pembacaan al-Quran dalam kalangan pelajar di UiTM Terengganu. *AJTLHE: ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 3(2), 83-100.
7. Azmil Hashim dan Jahidih Sali. 2015. Hubungan antara tahap kemahiran al-quran dan pencapaian tajwid al-quran pelajar KKQ di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Tinta Artikulasi Membina Ummah 1(1)*, 144-15.
8. Haji 'Abdul Qadir Leong. 2015. *Tajwid Al-Quran Rasm 'Uthmani*. Selangor: I-Press SDN BHD.
9. Hussaini Amran. 2013. Ramai buta huruf al- Quran : *Utusan Online*, 4 Januari : 13
- a. Melalui Toriq Asy-Syatibiyah. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
10. Mohd Aderi Che Noh, 2009. Amalan pengajaran tilawah al-quran: satu tinjauan terhadap persepsi guru di sekolah menengah harian Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education 1 (1)* 57-72.
11. Mohd Khairulazman Bin Hj Abu Bakar & Azman bin Che Mat. 2015. Profil demografi pelajar Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA) dalam pembacaan al-Quran. *Academia Journal UiTMT. Vol. (4) Issue 2 2015*.
12. Muhammad Nazir Mohammed Khalid (2013). Belajar Tajwid Dengan Berkesan. Selangor. Karya Bestari Sdn. Bhd.
- a. *Online Journal of Islamic Education*, 3(2), 1-9.
- b. Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial Universiti Teknologi Malaysia.
13. Siti Fatimah Sudin dan Nafisiah Abdul Rahman. 2005. Keperluan kursus kemahiran membaca al-Quran di IPT: Kajian di UiTM Shah Alam. *Journal Center for Islamic Thought and Understanding 1(2): 133-152*.
14. Siti Fatimah Sudin. 2002. Pembacaan al-Quran di kalangan mahasiswa melayu: suatu kajian di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Selangor. Tesis Master Universiti Malaya.
15. Surul Shahbudin Hassan & Muhammad Azhar Zailani. 2015. Bentuk-bentuk kesalahan bacaan al-Quran pelajar di sebuah IPTA. *The*
16. Surur Shihabuddin An-Nadawi (2010). Ilmu Tajwid Menurut Riwayat Hafs 'An 'Asim

